

## Sosiologi Dalam Drama *Muzikal KL*

### *Sociology In KL Musical*

Norfazilah Binti Jahudin  
Nur Afifah Vanitha Abdullah

Pusat Penyelidikan Bitara Melayu,  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Correspondence : Norfazilah Binti Jahudin (norfazilahjahudin94@gmail.com)  
Nur Afifah Vanitha Abdullah (nurafifah@ukm.edu.my)

### **ABSTRAK**

Kajian ini menganalisis sebuah drama karya Hatta Azad Khan iaitu *Muzikal KL* dengan menggunakan kerangka konsep teori sosiologi yang membincangkan tiga aspek utama iaitu latar belakang pengarang, kritikan terhadap isu sosial dalam karya yang dikaji iaitu menjurus kepada beberapa perspektif utama iaitu budaya, ekonomi, politik dan sosial. Selain itu, aspek nilai turut diteliti dalam kajian ini. Karya ini dihasilkan melalui pemerhatian pengarang terhadap isu-isu yang terjadi di sekelilingnya. Kota metropolitan Kuala Lumpur dijadikan sebagai latar tempat iaitu sebuah kawasan yang berdepan dengan cabaran kemodenan dan pelbagai isu kemasyarakatan yang seterusnya menimbulkan kerungsingan pengarang. Kajian ini adalah bersifat kualitatif dan berbentuk fundamental. Sebagai instrumen kajian, analisis kandungan telah dilakukan serta memperolehi data daripada buku, kajian lepas, artikel jurnal dan internet. Data yang dikumpul adalah untuk menjawab persoalan apakah isu kemasyarakatan yang diangkat oleh pengarang dalam karya *Muzikal KL*? Oleh hal yang demikian, kajian ini mendapat isu-isu yang diketengahkan dalam karya tersebut merupakan refleksi atau mencerminkan kisah sebenar yang berlaku di Kuala Lumpur. Ini menunjukkan bahawa Hatta Azad Khan telah membawa isu besar berkenaan dengan kerencaman sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia yang patut diberi perhatian. Idea-idea yang bernas daripada Hatta adalah selari dengan pengalaman dan penglibatan beliau dalam bidang penulisan.

*Kata kunci:* *Muzikal KL*, *Hatta Azad Khan*, pendekatan sosiologi, kritikan sosial, aspek nilai

### **ABSTRACT**

This study analyzes a drama by Hatta Azad Khan entitled *Muzikal KL*. This study applies the sociological theory to analyze three main aspects namely the background of the author, and criticism on social issues that centers on political aspects, economy, cultural and social. The *Muzikal KL* playwright portrays issues that exist around him. Kuala Lumpur is a metropolitan city. People in Kuala Lumpur face challenges of modernity and variety of societal issues. The research design of this study is qualitative, with fundamental as its research type. Data for this study was obtained from books, literature review, journal articles and also through internet. The data collected is to answer the question, "what are the social issues raised by the playwright in *Muzikal KL*. This study proofs that the issues portrayed in this dramatic text are based on real stories that takes place in Kuala Lumpur. This shows that Hatta Azad Khan portrays social issues among Malaysians that needs attention. This dramatic text are among others that had made Hatta Azad Khan a prolific playwright

*until today. This is because he tends to produce plays that are linked to social issues. The issues portrayed in plays by Hatta are based on his experience and his maturity in writing.*

*Keywords:* KL Musical, Hatta Azad Khan, sociological theory, critique of social issues, moral values

## 1. Pengenalan

Drama merupakan satu cabang sastera. Intipati sesebuah drama biasanya mengisahkan kehidupan manusia atau masyarakat. Hal ini kerana pengarang ingin menceritakan kembali dan mengajak khalayak untuk berfikir serta memberi hiburan. Selain itu, drama juga merupakan suatu pemikiran atau idea dari pengarangnya. Dalam sesebuah drama, terdapat mesej tersirat yang ingin disampaikan. Lazimnya pengarang mengolah sesebuah drama bersandarkan kreativiti dengan bertunjangkan realiti kehidupan. Drama dapat mempengaruhi khalayak dan drama juga adalah salah satu medium yang mampu menyebarkan maklumat, terutama pembaca atau penonton (Saparman Bakri, 1982).

Drama juga menampilkan ciri-ciri asas yang mengetengahkannya sebagai suatu karya seni yang tersendiri. Terdapat empat prinsip utama yang mendasari drama iaitu drama dikatakan mencapai keseronokan dan vitaliti seninya dalam masa yang terbatas kerana segala aspek digabungkan serta dihidupkan sekali melalui pementasan, penyatuan skrip, lakonan, arahan, latar dan sebagainya. Perinsip seterusnya ialah drama adalah penciptaan yang bersandarkan persekitaran penulis. Bahan penceritaan sebuah drama adalah berdasarkan manusia dan isu-isu di persekitarannya. Drama ditulis dalam bentuk dialog dan skrip adalah induk bagi sebuah pementasan (Mana Sikana, 1985)

Penghasilan atau penulisan sesebuah drama juga berbeza dengan penulisan novel, sajak, pantun dan lain-lain. Drama menekankan unsur-unsur teaterikal. Contohnya, pencahayaan, kostum, bunyi, solekan, prop dan set. Pengarang bukan sahaja harus memikirkan jalan cerita yang menarik terhadap sesuatu drama tetapi juga perlu memikirkan unsur-unsur teaterikal yang menggambarkan situasi sebenar secara terperinci. Selain itu, terdapat arahan-arahan pentas dan jalan ceritanya disampaikan dalam bentuk dialog. Tujuannya adalah untuk memudahkan para pembaca untuk menghayati dan berimajinasi jalan cerita tersebut (Roselina Johari Md. Khir, 2009).

Hatta Azad Khan adalah nama yang tidak asing dalam bidang drama dan teater Melayu. Beliau juga seorang pengkritik drama dan filem yang berwibawa. Hal ini dapat dibuktikan pada tahun 1970-an, beliau antara pelopor drama beraliran baru iaitu drama eksperimental. Penghasilan drama eksperimental adalah sebagai tanda atau reaksi beliau terhadap peristiwa hitam yang berlaku di tanah air iaitu rusuhan kaum pada tanggal 13 Mei 1969. Drama bentuk ini menjalankan falsafah kehidupan yang tinggi serta mencabar pemikiran penonton. Drama-drama eksperimental Hatta Azad Khan antaranya adalah *Kerusi, Patung-Patung* dan *Mayat*. (Hatta Azad Khan. 1981).

Pengalaman dan pendidikan yang tinggi dalam bidang drama menjadikan beliau seorang yang bermatlamat serta mempunyai kesungguhan dalam menghasilkan sesebuah karya. Muzikal pertama yang dihasilkan oleh Hatta Azad Khan ialah muzikal *Tanah, Air, Api dan Angin* pada tahun 1997. Hatta Azad Khan telah menghasilkan beberapa buah drama muzikal lain. Contohnya, *Muzikal KL*, Syyy (1984), *Muzikal Kampung Baru* (2006) dan beberapa lagi yang lain. Namun, kajian ilmiah mengenai drama muzikal yang ditulis oleh Hatta Azad Khan masih terhad. Karya-karya beliau yang pernah dibicarakan dalam artikel dan dikaji kebanyakannya adalah karya awal beliau seperti *Patung-Patung* (1977), *Mayat* (1978) dan lain-lain. Walaupun Hatta Azad Khan telah pun menghasilkan enam buah

---

naskhah drama muzikal namun fokus kerja ini adalah karyanya yang bertajuk *Muzikal KL* (Hatta Azad Khan, 2008).

Drama *Muzikal KL* mengisahkan tentang empat orang anak yatim iaitu Man, Maya, Andy dan Tun yang telah membawa haluan mereka sendiri setelah meningkat dewasa. Mereka telah membesar bersama di sebuah rumah kebajikan sewaktu kecil dan dijaga oleh seorang wanita yang mereka panggil mama. Man seorang yang mempunyai pelbagai idea yang sangat bernalas tetapi tidak mempunyai pekerjaan. Maya seorang yang mempunyai kelayakan tinggi bekerja sebagai pegawai kanan di Dewan Kota. Andy berangan ingin menjadi kaya dan berkuasa di KL. Tun pula sangat sederhana, memahami dan mendalami ajaran agama. Mereka semua bertemu dan bertelagah pendapat dan pandangan apabila Man mengemukakan suatu cadangan yang luar biasa untuk kesejahteraan seluruh warga kota. Man mahu menjadikan KL sebagai sebuah kota yang kaya serta Bandar yang ria. Hal ini termasuklah ingin mencipta langit palsu yang menyerupai seluruh kota untuk tujuan keselesaan warga KL, Kota KL hendak dihawadinginkan seluruhnya, mencadangkan agar tiada lagi kenderaan berasap dan seluruh warga kota hanya akan menggunakan kenderaan sikal yang dikayuh sendiri dan jalan raya utama ditukar menjadi walkalator. Bagi merealisasikan impian tersebut, Andy dan Man telah bertemu dengan orang atasan yang lebih bertanggungjawab iaitu Paduka Mayor. Maya dikerahnya mengatur pelbagai persiapan. Maya menemui Man dan menentang keras idea yang tidak masuk akal itu. Tetapi Andy menyokong Man kerana banyak faedah yang akan diperoleh apabila seluruh warga kota hidup dalam keadaan selesa. Tun pula menentang idea mereka kerana keselesaan yang keterlaluan akan membuatkan mereka leka dan lena. Tun juga menganggap idea itu sebagai mencabar kedudukan alam dan kekuasaan Tuhan. Seterusnya, berlakunya percaduhan dia antara Andy dan Tun yang disertai pengikut kedua-dua belah pihak. Andy dan Tun kemudiannya ditangkap. Walau bagaimanapun, Mereka telah dilepaskan setelah Maya dan Man datang untuk membuat jaminan. Namun, Andy yang tidak berpuas hati bertindak menculik Maya yang memang digilainya sejak kecil. Andy juga marah kerana Maya memberi perhatian yang lebih kepada Man berbanding dirinya. Don dan Dang pula sepasang gelandangan kota bersama-sama seorang Pengemis Lara menjadi penyelamat apabila tempat persembunyian Andy diserbu. Andy ditembak lalu meninggal dunia di ribaan Man. Maya dan Tun kemudiannya terkenang kembali zaman kanak-kanak mereka di sebuah rumah anak-anak yatim dimana tempat mereka tinggal bersama selepas kematian ibu bapa. Paduka Mayor akhirnya membuat keputusan bahawa cadangan Man tidak dapat dilaksanakan. Banyak perkara yang tidak praktikal dari segi saintifik, ditambah pula dengan alasan peribadinya. Seluruh warga kota termasuk pekerja binaan warga asing berasa kecewa, tetapi mereka berkumpul dan mula memikirkan cara lain untuk mengatasi segala bala dan bencana kota kaya yang tetap mahu menjadi bandar ria itu.

Oleh itu, kertas kerja ini adalah berdasarkan naskhah Hatta Azad Khan yang berjudul *Muzikal KL*. Teks drama ini sarat dengan isu, idea serta unsur nilai yang digarap melalui cerminan masyarakat Malaysia iaitu di Kuala Lumpur. Beliau merupakan individu yang berjaya mengangkat karyanya dan memberi kesan terhadap perkembangan genre drama di Malaysia. Dalam drama *Muzikal KL*, pengarang telah menggunakan kota Kuala Lumpur sebagai wacana penelitian, penganalisisan dan pemaparan sinisismenya. *Muzikal KL* memperlihatkan betapa pekanya seorang penggiat drama terhadap masyarakat sekeliling yang akhirnya dijadikan sebagai sebuah karya yang mengandungi isi atau idea yang bermanfaat untuk dikongsikan dengan khalayak pembaca. Sebagai seorang dramatis yang prihatin terhadap masyarakatnya, Hatta Azad Khan juga turut menyelitkan golongan mahraen yang sesungguhnya memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan kota.

Isu kemasyarakatan adalah yang paling dominan dalam *Muzikal KL*, maka pendekatan sosiologi telah digunakan untuk mengkaji karya *Muzikal KL*. Teori sosiologi atau pendekatan

kemasyarakatan merupakan sebuah teori yang bercorak kontekstual atau ekstrinsik. Teori ini membicarakan aspek luaran teks seperti sudut latar pengarang, meneliti hubungan karya dan masyarakat serta isu-isu yang terdapat dalam sebuah karya. Selain itu, teori ini juga meneliti aspek nilai. Teori ini menilai sastera dengan meneliti aspek sosialnya atau kemasyarakatannya. Selain itu, teori ini juga adalah untuk menganalisis hubungan teks dengan isu politik, budaya, ekonomi dan aspek-aspek lainnya (Mano Sikana, 1998).

Justeru, timbul persoalan yang cuba diketengahkan iaitu berkaitan dengan kritikan atau isu yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada pembaca berdasarkan perspektif politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Begitu juga dengan unsur-unsur nilai yang diterapkan di dalam teks drama yang dikaji. Persoalan kajian “apakah kritikan Hatta Azad Khan terhadap masyarakat dalam *Muzikal KL*?”. Gagasan idea Hatta Azad Khan harus diketengahkan sebagai suatu bacaan yang mampu memberi kesan atau pengaruh positif kepada umum. Oleh itu, semoga dengan adanya kajian yang dilakukan, ianya dapat memberi gambaran mengenai isu-isu kemasyarakatan yang diangkat di dalam karya Hatta Azad Khan.

## 2. Metodologi

Kertas kerja ini berbentuk penyelidikan kualitatif. Analisa kandungan telah dilakukan menggunakan bahan-bahan primer dan sekunder. Kajian kepustakaan telah dilaksanakan bagi merujuk dan mengumpul bahan-bahan untuk melengkapkan kajian. Kajian perpustakaan dipilih sebagai cara untuk melaksanakan kertas kerja ini kerana banyak data-data yang boleh diperolehi selain mudah didapati. Kertas kerja ini memerlukan penyelidik membuat penelitian dan pemerhatian melalui pembacaan dan seterusnya membuat interpretasi berpandukan teori yang digunakan terhadap bahan-bahan yang dikumpul dan dibaca.

Bahan utama yang digunakan dalam kajian ini pula ialah naskhah *Tiga Teater Muzikal* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2008. Teks *Muzikal KL* telah dikaji menggunakan pendekatan sosiologi iaitu satu analisis yang dilakukan ke atas pengarang dan isu-isu yang diketengahkan didalamnya.

Di samping itu, pengumpulan data dilakukan melalui penelitian yang mendalam terhadap teks drama yang dikaji, buku-buku lain yang berkenaan, majalah, artikel-artikel, latihan-latihan ilmiah yang lepas, internet dan sebagainya untuk mengukuhkan hujah. Melalui penelitian sedemikian, maka kertas kerja yang dilaksanakan adalah secara berbasas dan tidak menyimpang daripada tujuan dan matlamat kajian yang sebenar. Terdapat beberapa kawasan yang menjadi tempat untuk mendapatkan bahan bagi menyempurnakan kertas kerja. Antaranya ialah Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bilik Pusat Sumber, Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Oleh itu, bagi memperolehi jawapan kepada kajian, kerangka sosiologi sebagai analisis telah digunakan.

Teori sosiologi diaplikasi untuk meneliti teks *Muzikal KL*. Auguste Comte merupakan individu pertama yang menggunakan istilah sosiologi iaitu dalam penulisan beliau yang berjudul *Cours de Philosophie Positive* yang diterbitkan pada tahun 1839. Walau bagaimanapun, pada ketika itu ianya masih lagi bersifat spekulatif dan didaktif. Oleh kerana sifat tersebut, maka hal itu ditentang oleh ahli sosiologikal dari Itali iaitu Vilfredo Pareto. Hal ini menyebabkan ahli sosiologi berpendapat Emile Durkhiem yang harus digelar sebagai bapa sosiologi sedangkan Auguste Comte hanya berstatus godfather. Hal ini bermaksud sosiologi sebagai ilmu positif berasal daripada Comte tetapi penerapan gagasan itu dari Durkhiem. Walau bagaimanapun, Emile Durkhiem turut membentuk dan merintis disiplin sosiologi

ilmiah. Beliau telah meneliti semula teori-teori yang mendasari organisasi sosial manusia mahupun masalah-masalah metod (Dunchan Mitchell: 1982).

Sosiologi sebenarnya adalah suatu sains tingkah laku. Ia cuba menghuraikan tingkah laku manusia sezaman atau masa lampau sebagaimana yang kita alami sendiri atau sebagaimana yang kita ditemui dalam artifak, tugu, undang-undang dan buku-buku. Namun, dalam hal in, sejarah, ekonomi dan kritikan sastera juga termasuk dalam sains tingkah laku. Pengetahuan mengenai pendekatan sosiologi di dalam fenomena-fenomena ini adalah perlu untuk memahami apa itu sosiologi (Alex Inkeles: 1985).

Sosiologi turut digunakan untuk mengkaji karya sastera secara saintifik, mempelajari secara objek tentang manusia dalam sesebuah masyarakat, institusi dan proses sosial dan bagaimana ia dikukuhkan. Sosiologi sastera sebagai dokumen-dokumen sosial, mencatat kenyataan sosio-budaya sesuatu masyarakat. Dalam erti kata yang lain, hubungan sastera dan masyarakat adalah sangat erat (Diana Laurendon dan Alan Swingewood: 1972).

Pendekatan ini juga merujuk kepada sebuah pendekatan yang menilai sastera dengan meneliti aspek sosial atau kemasyarakatannya. Selain itu, pendekatan sosiologi juga melihat teks sebagai kesan pengaruh yang membangunkan masyarakat terhadap kehidupan manusia. Tanpa sedar atau tidak sedar, pengarang akan merakamkan pandangan hidup masyarakatnya. Maka, terpancarlah perlakuan dan fahaman masyarakatnya daripada pelbagai sudut. Dalam melaksanakan kajian ini, aspek kemasyarakat dari segi kritikan merupakan fokus utama yang akan dibincangkan (Mana Sikana: 1998).

Pendapat Sahlan Mohd Saman, pendekatan sosiologi ialah cermin kehidupan masyarakat. Penulis sebagai individu yang mengungkap tentang suka duka kehidupan yang dilalui oleh masyarakat. Pendekatan ini lebih memfokuskan masyarakat sebagai persoalan pokok dalam sesebuah karya atau cerita (Sahlan Mohd Saman, 1999).

Dari sudut penggunaan teori atau praktisnya, Edmund Wilson telah menggunakan pendekatan ini sejak abad ke-18 lagi iaitu beliau telah mengkaji epik *Homer* dari sudut kemasyarakatannya. Hal ini dianggap sebagai satu permulaan ke arah untuk mewujudkan teori ini walaupun kajian yang dilakukan itu tidak secara mendalam. Kemudian, pada abad ke 19 dan abad ke 20, pendekatan sosiologi cukup popular dan dominan. Pada era ini, pendekatan ini menambah analisisnya kepada aspek pengarang iaitu latar budayanya sebagai individu yang mencipta karya. Bagaimanapun, analisis ini mementingkan hubungan lata teks sastera sebagai cerminan masyarakat. Pendekatan ini menggunakan unsur-unsur di luar karya seperti latar pengarang, fungsi kesusasteraan terhadap masyarakat, etika sosial dan sebagainya termasuk persoalan ekonomi, pendidikan, budaya dan politik (Mana Sikana, 2006).

Selain itu, pendekatan sosiologikal juga merupakan lanjutan daripada pendekatan historikal. Terdapat beberapa perkara yang ditekankan oleh teori sosiologi iaitu dari segi luar karya seperti latar belakang pengarang, fungsi kesusasteraan terhadap masyarakat, etika sosial, persoalan ekonomi, budaya, pendidikan dan politik. Selain itu, pendekatan ini juga berkaitan dengan kritikan dalam sesebuah masyarakat (Mana Sikana, 1998).

Pendekatan sosiologi menegaskan bahawa hasil sastera mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat, terutama masyarakat pembaca. Masyarakat juga mempunyai pengaruh terhadap penciptaan dan nilai sastera. Walaupun kehidupan masyarakat dijadikan bahan untuk berkarya, namun bahan tersebut dipilih dan disaring serta diberi tanggapan sendiri oleh penulis. Dalam konteks ini, penulis perlu menyampaikan mesej sama ada dalam bentuk peringatan, nasihat atau panduan kepada pembaca. Oleh sebab hubungan yang erat di antara sastera dengan masyarakat, maka Vicomte de Beonald berpendapat bahawa kesusasteraan ialah ekspresi masyarakat sebagaimana percakapan merupakan ekspresi manusia (Elizabeth dan Jom Brums, 1973).

Selain itu, kewujudan satu interaksi sosial merupakan asas kepada kewujudan masyarakat. Seorang penulis dianggap mempunyai tugas ataupun fungsi kepada masyarakatnya. Penulis hendaklah menghasilkan karya bagi menimbulkan kesedaran kepada masyarakat dan mendatangkan manfaat kepada masyarakat. Oleh itu, sosiologi dikatakan dapat memberi penjelasan dan manfaat melalui sastera. Tanpa sosiologi tentang sastera tidak lengkap. Landasan utama bagi sosiologi ialah dengan menganggap dan melihat gagasan bahawa sastera merupakan cermin masyarakat bagi zamannya, sama ada dari struktur sosial, hubungan kekeluargaan, pertentangan kelas dan lain-lain (Ayob Yamin dan Hamzah Hamdani, 1980).

Terdapat beberapa aspek penting yang harus diteliti iaitu aspek pengarang, isu sosial dan aspek nilai serta kesan dan pengaruh karya terhadap masyarakatnya. Aspek-aspek tersebut penting untuk diperhatikan kerana karya yang dihasilkan adalah melalui pengalaman dan penghayatan penulis terhadap sekelilingnya. Justeru, karya yang menggunakan pendekatan sosiologi akan memberi jawapan tepat bahawa pengarang, karya dan pembaca adalah saling berkaitan dan rapat.

Di samping itu, pendekatan ini melihat pertikaian yang berlaku dalam masyarakat sebagai sumber inspirasi penulis dan tugas mereka ialah mencerminkan dan menggambarkan peristiwa yang terjadi di samping aspek perwatakan turut dirakamkan. Ini membuktikan bahawa pengaruh masyarakat terhadap karya itu sangat kuat. Dalam hal ini, boleh dinyatakan bahawa sastera sebagai cerminan masyarakat. Ternyata teori sosiologi mampu mengupas sesebuah karya dari berbagai-bagai sudut dan aspek. Bagi meneliti lebih lanjut lagi berkenaan aspek-aspek sosial sesebuah masyarakat dalam karya sastera, maka *Muzikal KL* telah dijadikan bahan kajian. Oleh Itu, pengkaji seharusnya mendalami drama *Muzikal KL* untuk memahami isu atau isi yang disampaikan oleh pengarang kepada khalayak. Latar penulis dan cerita yang dibawa oleh pengarang perlu diteliti dengan lebih dalam untuk mencapai hasil kajian yang lebih lengkap.

### 3. Sorotan Kajian

Penelitian lepas tentang *Muzikal KL* masih terhad. Namun begitu, kajian lepas yang mengkaji teori sosiologi bagi meneliti teks-teks Melayu agak memberangsangkan. Terdapat lebih kurang tiga jumlah kajian lepas tentang drama serta satu kajian lepas yang berbentuk novel.

Marsita Binti Shamsuddin (1990) dalam latihan ilmiahnya yang berjudul “Drama 1980-an: Satu Kajian Sosiologi” membincarakan tentang drama-drama 1980-an dari sudut kajian sosiologi. Pendekatan sosiologi digunakan bagi menggambarkan keseluruhan aspek-aspek kemasyarakatan yang dipaparkan dalam drama sama ada dari sudut sosial, politik, ekonomi, agama dan budaya. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan metodologi kualitatif. Hasil daripada dapatan kajian ini, pengkaji telah mengetengahkan perkembangan sejarah drama secara terperinci selain menyentuh tentang gambaran masyarakat dan sosialisasi penulis. Seterusnya, perbincangan tentang nilai-nilai kemasyarakatan juga terdapat dalam kajian lepas ini.

Gambaran dari aspek sosioekonomi turut dibincarakan oleh Normah binti Ab.Raji (1991) dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk “Sosioekonomi dalam Drama Moden Malaysia”. Kajian ini memfokuskan kepada karya sastera daripada genre drama serta menggunakan pendekatan sosiologi dalam membincangkan karya yang dikaji. Aspek sosioekonomi telah dijadikan persoalan dalam kajian ini. Kajian ini telah di bahagikan kepada lima bab. Antara perkara yang dibincangkan ialah tentang kedudukan ekonomi masyarakat Melayu khususnya, mengkaji pertumbuhan kemasyarakatan dari segi politik, ekonomi dan sosial. Selain itu, perubahan yang berlaku dalam bidang ekonomi dan sosial

dalam masyarakat juga dibincangkan. Semua perbincangan tersebut adalah menggunakan kaedah metodologi kualitatif.

Selain itu, Wan Rohaya Wan Othman (1989) telah mengkaji tentang “Protes Sosial dalam Drama-drama Melayu”. Beliau telah menyelidiki beberapa buah drama yang mengandungi unsur protes sosial. Antaranya ialah ‘Tamu di Bukit Kenny’, ‘Atap Genting Atap Rumbia’ dan ‘Angin Kering’ dan lain-lain. Aspek yang dibincangkan termasuklah tentang sosiobudaya masyarakat Melayu selain diuraikan tentang perkembangan drama Melayu di Malaysia. Kajian ini turut memuatkan pandangan daripada dua orang pengkritik terkenal iaitu Krishen Jit dan Zakaria Ariffin. Kajian ini menggunakan kaedah metodologi kualitatif dan menggunakan kritikan sosial untuk mendalamai perbincangan.

Seterusnya, kajian yang telah dilakukan oleh Ekhsan Ezani dalam latihan ilmianya yang berjudul “*Kuntum Harapan*: Satu Analisis Nilai Kemanusiaan Berdasarkan Teori Sosiologi” turut menganalisis nilai kemanusiaan berdasarkan karya Zahari Hasib itu. Perbincangan telah dilakukan dengan menggunakan metodologi kualitatif. Nilai-nilai kemanusiaan yang didapati berdasarkan karya yang dikaji seperti kasih sayang, hormat-menghormati, bertanggungjawab dan lain-lain. Pengkaji juga mendapati bahawa pengarang seolah-olah ingin memberi teguran dan teladan kepada masyarakat tentang kepentingan nilai kemanusiaan kepada individu, keluarga, masyarakat dan negara. Nilai kemanusiaan yang sangat kontang dan tandus diperlihatkan oleh pengarang dalam karya tersebut sehingga menimbulkan pelbagai permasalahan. Memandangkan kajian ini meneliti tentang nilai kemanusiaan, maka teori sosiologi sastera telah digunakan. Hasil daripada teks-teks yang dibincangkan, didapati tiga aspek utama yang diterapkan dalam nilai kemanusiaan iaitu aspek sosial, ekonomi dan politik. Nilai kemanusiaan di dalam karya yang dikaji telah dijadikan sebagai kritikan dan teladan kepada masyarakat.

Melalui kajian-kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat ramai pengkaji yang sentiasa ingin mengangkat karya sastera itu sendiri di samping mengangkat pemikiran atau idea para penggiat sastera tanah air. Dalam latihan ilmiah, kebanyakannya menyentuh aspek kemasyarakatan yang meliputi sosial, ekonomi dan politik secara umum dengan melakukan kritikan. Oleh itu, rujukan berilmiah ini dapat memudahkan khalayak untuk memahami secara lebih terperinci tentang sesebuah karya.

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

Kajian yang telah dilaksanakan adalah berdasarkan kepada teks drama *Muzikal KL* karya Hatta Azad Khan. Aspek yang dikaji ialah tentang riwayat pengarang teks drama *Muzikal KL*. Selain itu, *Muzikal KL* banyak memaparkan permasalahan masyarakat seperti isu-isu sosial, politik, ekonomi dan budaya. Walau bagaimanapun, dalam karya tersebut aspek nilai turut dibincangkan. Karya yang dihasilkan oleh Hatta Azad Khan menunjukkan krihatinan, harapan, resah gelisahnya terhadap masyarakat di Malaysia yang dilanda dengan cabaran, harapan dan pembangunan. Hatta Azad Khan memerhati dan merasa permasalahan yang berlaku di Kuala Lumpur. Hal ini dapat dibuktikan melalui karyanya yang berlatarbelakangkan negara Malaysia ini sendiri khususnya di kota metropolitan Kuala Lumpur dengan menjalinkan isu-isu dialami oleh masyarakat di kota metropolitan tersebut.

Aspek pertama yang dititikberatkan dalam kertas kerja ini adalah tentang riwayat hidup pengarang. Contohnya, tempat lahir pengarang, sosialisasi, pendidikan, status sosial, nilai-nilai kehidupan dan sebagainya. Hal ini kerana sesebuah drama tidak muncul begitu sahaja tetapi ada yang mendorongnya. Latar belakang pengarang harus difahami kerana dorongan-dorongan tersebut timbul daripada pendidikan atau alam sekitar. Oleh hal yang demikian, didapati bahawa Hatta Azad Khan merupakan seorang penggiat drama yang sangat

berpengalaman di samping pengetahuannya yang luas. Hal ini terbukti apabila Hatta Azad Khan telah mendapat pendidikan berkaitan dengan bidang tersebut sehingga ke peringkat tinggi iaitu Kedoktoran Falsafah (Ph.D). Beliau mendapat pendidikan dari luar negara seperti di Pusat Pengajian Filem dan Teater, University New South Wales, Sydney, Australia dan Amerika Syarikat sewaktu menyambung pengajiannya di peringkat Ijazah Sarjana. Selain itu, Hatta Azad Khan juga sememangnya terkenal dengan kritikan melalui hasil karya-karyanya (Hatta Azad Khan, 2008)

Bukan itu sahaja, malah sepanjang penglibatan beliau dalam bidang drama, beliau juga pernah mendapat hadiah utama dan hadiah penghargaan Peraduan Menulis Skrip Drama Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1976. Pencapaian beliau yang seterusnya diperolehi pada tahun 1983 iaitu kategori Skrip Drama Terbaik dan tahun berikutnya, iaitu pada tahun 1984, Hatta Azad Khan telah menerima Hadiah Sastera Malaysia Kategori Drama. Seterusnya, pada tahun 2006, Hatta Azad Khan telah memenangi hadiah pertama pertandingan menulis skrip filem cereka anjuran Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Kejayaan terbesar beliau antaranya telah menerima anugerah penulisan peringkat Asia Tenggara, S.E.A Write Awards daripada kerajaan Thailand di Bangkok pada tahun 2008. Hal ini membuktikan bahawa Hatta Azad Khan merupakan pengarang yang mempunyai nilai kreativiti dan kebolehan yang tinggi (Azman Ismail, 2008).

Seterusnya, Hatta Azad Khan sememangnya terkenal dengan kritikan tentang masyarakat melalui hasil karya-karyanya. Berdasarkan karyanya yang dikaji iaitu drama *Muzikal KL*, beliau menyerlahkan keprihatinan terhadap masyarakatnya. Pengkarya terkemuka ini menggunakan kota Kuala Lumpur sebagai tempat penelitian dan penganalisisan. Karya ini sarat dengan kritikan, harapan dan cabaran yang mempu memberi unsur moral yang baik kepada khayalak. Bukan itu sahaja, drama ini juga memaparkan tentang idaman dan kenyataan, imaginasi dan realiti serta kaya dan miskin. Hatta Azad Khan juga menyelitkan golongan marhaen yang sesungguhnya memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan kota. Selain itu, drama ini juga menunjukkan bahawa pemupukan semangat ke-Malaysiaan adalah amat penting dan seluruh rakyat dalam negara ini harus arif dan peka bahawa pegangan satu warga dalam satu negara perlu dibuktikan kerana kepelbagaian yang dimiliki termasuklah dari segi budaya, Bahasa, adat dan agama. Selain itu, Hatta berusaha menghuraikan inti pati, mencapai matlamat, visi dan peranan drama dalam konteks pembangunan negara bangsa (Hatta Azad Khan, 2008).

Selain daripada *Muzikal KL*, terdapat beberapa contoh karya beliau lain yang mengkritik tentang isu-isu dalam masyarakat. Contohnya, kisah “Cermin Tipu Daya” dalam kumpulan drama *Dunia Belum Kiamat* yang menghimpunkan lima buah drama pentas Hatta Azad Khan yang telah dihasilkan pada tahun 1970-an sehingga tahun 1980-an. Karya tersebut mengisahkan tentang kehidupan masyarakat miskin dan melerat. Dalam drama *Kerusi* juga Hatta masih lagi menggunakan pemikiran yang terarah kepada masyarakat iaitu mengkritik dari aspek politik. Beliau mengkritik secara sini tentang kuasa dan bagaimana kuasa disalahgunakan oleh mereka yang berkuasa. *Kerusi* adalah sebuah drama yang penuh dengan unsur ironi atau sindiran halus. Isu masyarakat yang sering berlaku seperti keadilan, kedamaian, kekayaan, kejujuran dan belas kasihan dimuatkan di dalam karya ini (Hatta Azad Khan, 2013)

Hatta Azad Khan juga mengkritik dalam dramanya yang bertajuk *Nasib*. Kisah ini memaparkan watak utama lelaki berbangsa Cina yang baik dan mempunyai niat baik terhadap seluruh penduduk kampungnya tidak kira bangsa dan agama. Namun kebaikan yang dicurahkan oleh lelaki Cina tersebut tidak disambut baik oleh penduduk kampungnya. Dalam kisah ini, Hatta ingin menggambarkan bahawa Guan iaitu seorang lelaki Cina tidak hanya diterima dalam masyarakat majmuk Malaysia tetapi juga memaparkan bahawa dalam negara

Malaysia sendiri mesti memupuk keharmonian, toleransi dan kesediaan untuk saling bantu-membantu antara satu sama lain (Hatta Azad Khan, 1987).

Selain itu, Hatta Azad Khan turut mengkritik kedaifan yang dialami oleh masyarakat. *Muzikal Kampung Baru pula* memaparkan idea besar iaitu tentang pembangunan Kampung Baru yang telah lama terbiar malah berada dalam keadaan yang amat daif. Drama ini juga menekankan isu global iaitu kepelbagaian kaum dan pencampuran keturunan yang menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang unik (Hatta Azad Khan: 2007).

Sesungguhnya beliau telah banyak menghasilkan karya yang bermutu. Dalam karya yang dicipta pula, beliau tidak menciptanya secara kosong atau sekadar menerapkan unsur hiburan semata-mata tetapi juga banyak menyelitkan unsur yang dapat memberi makna kepada khalayak. Oleh itu, Hatta Azad Khan dalam dunia sastera sangat menyerlah dan mempunyai nama yang cukup dikenali dalam perkembangan industri ini terutama sekali dalam bidang penulisan skrip drama, pengarahan, pementasan dan sebagainya. Sepanjang penglibatannya, Hatta sentiasa meneliti persekitarannya dari sudut sosial, politik, ekonomi dan budaya.

### ***Isu Sosial***

Sosial merupakan aspek yang berkait dengan masyarakat. Hal ini termasuklah cara hidup, sikap, moral dan tindak-tanduk masyarakat. Ini dapat diteliti melalui persoalan-persoalan seperti sikap masyarakat, isu pendidikan, kemiskinan, pencemaran dan sebagainya yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Isu sosial juga adalah perkara yang mempengaruhi kebanyakan anggota masyarakat sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung. Oleh itu, dalam aspek sosial ini pelbagai kritikan sosial yang akan dihuraikan berdasarkan hasil garapan Hatta Azad Khan dalam drama *Muzikal KL*nya.

Hatta Azad Khan telah mengkritik pemikiran masyarakat yang tidak selaras dengan tahap pendidikan. Berdasarkan drama *Muzikal KL* Man merupakan watak utama yang dipaparkan sebagai seorang individu yang tidak mempunyai pekerjaan namun mampu memberikan idea-idea yang menarik walaupun idea tersebut sukar untuk direalisasikan. Man juga percaya bahawa pendidikan bukan segala-galanya kerana segelintir individu yang mempunyai kelulusan tinggi juga tidak mampu untuk berfikiran luas dan kreatif dalam sesuatu perkara. Malah, ada pula yang hanya tahu menurut kata seperti kuli. Justeru, perkara atau isu ini dikritik oleh pengarang berdasarkan watak Man. Oleh itu, masyarakat yang rendah pemikirannya dan tidak selaras dengan tahap pendidikan universiti haruslah diubah kerana ianya akan memberi impak negatif terhadap diri dan negara. Masyarakat yang berpendidikan tidak akan dihormati sekiranya tidak mampu menunjukkan atau menonjolkan peribadi dan tingkah laku sebagai seorang yang terpelajar.

Hatta Azad Khan turut mengkritik masyarakat yang mengambil jalan mudah dalam melakukan sesuatu perkara. Pengarang memaparkan watak Andy yang ingin meminta pertolongan daripada Maya yang merupakan orang kanan Paduka Mayor. Kedudukan Maya sebagai orang penting dijadikan sebagai landasan bagi Andy untuk mendapatkan jalan mudah. Hal ini kerana Andy hendak merealisasikan matlamat untuk menjadikan kota KL sebagai kota yang kaya seperti syurga dunia. Di samping itu, Andy juga ingin mendapatkan keuntungan dankekayaan daripada projek tersebut apabila terlaksana kelak dengan cara menjadikan Maya sebagai orang tengah untuk memenuhi impiannya. Sikap suka mengambil jalan mudah melambangkan seseorang itu tidak mampu memikul tanggungjawab, pemalas, dan takut untuk berhadapan dengan sesuatu risiko. Dalam melaksanakan sesuatu kerja, seseorang itu hendaklah bijak mengurus sesuatu perkara dengan meminta tujuk ajar daripada

individu lain yang lebih mahir. Mempergunakan orang lain adalah sama sekali bukan sesuatu perkara yang baik untuk diamalkan dalam sesuatu pekerjaan.

Kritikan yang dilakukan oleh pengarang termasuklah tentang sikap pengotor dan tidak bertanggungjawab dalam kalangan masyarakat. Dalam petikan tersebut, watak pegawai sebagai watak sampingan telah menyatakan kepada watak jurujual yang juga sebagai watak sampingan bahawa sampah sarap yang dicampak ke dalam longkang mahupun sungai menyebabkan air tidak mengalir dan kemudian membawa kepada banjir. Masalah banjir pula akan memberi impak kepada masyarakat. Hal ini kerana apabila air melimpah maka masyarakat yang terlibat akan mengalami kerugian akibat kerosakan harta benda selain penyakit berjangkit yang akan timbul. Sewajarnya Malaysia yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi harus lebih seiring dengan apa yang diajarkan Islam. Hatta Azad Khan membuat kritikan terhadap masalah yang melibatkan alam sekitar iaitu tentang pembuangan sampah yang tidak sistematik oleh manusia yang tidak bertanggungjawab. Isu yang mungkin tidak disedari oleh ramai pihak ini dijadikan suatu isu yang penting untuk diperkatakan oleh Hatta Azad Khan dalam karyanya.

Hatta telah mengkritik sikap materialistik sesetengah masyarakat dalam drama *Muzikal KL*. Isteri Don merupakan watak yang memainkan peranan sebagai individu yang mempunyai sikap materialistik sehingga sanggup meninggalkan suami dan mengahwini majikan suaminya sendiri. Hal ini menggambarkan bahawa kesanggupan isteri Don untuk meninggalkan suaminya demi mengejar kemewahan. Sikap materialistik yang terdapat pada isteri Don menunjukkan bahawa keinginan untuk mengejar kemewahan telah mengatasi segala-galanya dan akhirnya membawa kepada penceraian. Budaya kebendaan atau materialistik adalah sikap yang diamalkan oleh sesetengah masyarakat kini. Sifat mementingkan kebendaan ini memberikan impak negatif kepada diri atau dalam konteks yang lebih luas lagi kepada masyarakat. Sikap ini sekaligus menghilangkan rasa bersyukur terhadap sesuatu perkara yang dimiliki.

Gejala suka berhibur merupakan antara kritikan yang dilakukan oleh penulis *Muzikal KL*. Hatta Azad Khan menggambarkan kota KL sebagai tempat yang mempunyai banyak pusat hiburan. Dalam erti kata yang lebih jelas, kepelbagaiannya tempat hiburan yang dinyatakan seperti pusat hiburan diskotek, tempat berdangdut, kelab malam dan kelab siang menunjukkan bahawa masyarakat di kota tersebut suka berhibur. Sekumpulan remaja iaitu watak anak muda yang diketengahkan dalam *Muzikal KL* pula menunjukkan bagaimana golongan ini juga terjebak dengan gejala suka berhibur. Masalah lepak iaitu besembang dan menari sehingga pagi merupakan perkara yang sia-sia. Sekiranya masalah ini berlarutan maka ia akan memberikan impak negatif terhadap masyarakat. Hal ini menjadi lebih parah lagi apabila ia yang melibatkan golongan muda terutamanya iaitu mereka yang menjadi aset penting kepada negara. Oleh itu, sesungguhnya petanda runtuhan sesuatu bangsa itu dapat dilihat apabila bangsa tersebut terlalu mencintai hiburan dan mengagungkan keduniaan.

### ***Isu Politik***

Politik merupakan suatu ilmu yang berhubungkait dengan cara pemerintahan yang bergantung kepada keadaan sifat-sifat kemanusiaan. Ilmu ini boleh hadir dimana-mana sahaja atau di beberapa tempat pada waktu yang sama. Aktiviti politikal sememangnya telah mengelilingi manusia dan berpotensi mempengaruhi jiwa manusia. Selain itu, penggarapan ilmu politik ke dalam diri manusia dikenali sebagai *a zoon politicon* atau *apolitical being*. Tambahan pula, politik juga merupakan cara yang berkesan untuk merapatkan hubungan antara manusia dengan manusia, manakala proses politikal tetap memainkan peranan dalam hidup manusia tidak kira manusia itu mempergunakan politik sebagai tujuan mengecapi kenikmatan materialistik atau penghargaan kerohanian. Dasar politik yang baik akan

melahirkan politik yang mantap. Berdasarkan politik yang tergambar dalam *Muzikal KL*, terdapat dua golongan yang terlibat iaitu golongan atasan dan golongan bawahan (Welsh, W.A, 1973).

Karya Hatta Azad Khan iaitu *Muzikal KL* telah mengkritikan tentang golongan pemimpin atau golongan atasan yang mementingkan kemewahan. Golongan atasan yang dipaparkan dalam *Muzikal KL* digambarkan sebagai golongan yang memiliki banyak kenderaan sehingga boleh dipandu bertukar ganti setiap hari. Dalam konteks Islam, pemimpin hendaklah bersederhana dalam apa pun juga perkara. Hal ini kerana segala kemewahan hanya akan melalaikan dalam menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Imam Ghazali pula memberikan empat syarat yang perlu ada pada seorang pemimpin iaitu ‘an-Najdah’ iaitu kuat dan berwibawah, ‘al-Kifayah’ yang membawa maksud bijaksana dan mempunyai kekuatan daya fikir untuk menyelesaikan pelbagai masalah, ‘al-Wara’ yang bermaksud bersih dan berintegriti moral dan ‘al-ilm’ iaitu berilmu. Oleh itu, pemimpin juga hendaklah berpada-pada dalam setiap perkara agar tidak menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap pengikutnya (Siddiq Fadzil, 1992).

Kritikan dari segi kuasa juga disentuh oleh pengarang dalam drama *Muzikal KL*. Kuasa sangat penting dalam bidang politik. Kuasa membolehkan seseorang pemimpin memujuk dan memaksa pekerja melakukan sesuatu sebagaimana yang dikehendaki. Selain itu, kuasa juga membolehkan pemimpin mengagihkan tugas dan tanggungjawab dan membuat keputusan terutama dalam aspek pengambilan dan pengrekrutan serta menentukan siapa yang layak dan yang tidak layak. Dalam drama *Muzikal KL* penulis telah memaparkan kritikan terhadap kuasa dalam politik oleh orang atasan iaitu pemimpin. Kritikan berkaitan kuasa dapat dilihat apabila Paduka Mayor menerima cadangan Man dan Andy yang ingin menjadikan kota KL sebagai kota ria dan kaya dan mengarahkan Maya untuk menyediakan kumpulan yang terlibat dalam menjadikan kota tersebut sebagai syurga dunia. Dalam keghairahan untuk melaksanakan cadangan yang dikira sebagai mencabar kuasa tuhan itu, Paduka Mayor tidak sedar bahawa cadangan itu sebenarnya sukar untuk dilaksanakan. Oleh itu, kuasa yang dimiliki oleh Paduka Mayor tidak digunakan dengan sebaiknya. Seorang pemimpin yang berkuasa hendaklah bijak berfikir dan mempertimbangkan sesuatu perkara dengan melihat pelbagai sudut. Kuasa sangat diperlukan bagi menentukan, bertindak dan membuat keputusan yang berkesan.

### **Aspek Budaya**

Budaya merupakan cara hidup sesuatu masyarakat atau sesuatu bangsa. Budaya didorong juga oleh berbagai-bagai aspek lain seperti norma, nilai, peraturan, adat resam, kepercayaan, undang-undang dan lain-lain. Terdapat beberapa aspek budaya yang menjadi kritikan dalam karya *Muzikal KL* karya Hatta Azad Khan seperti budaya makan, pengaruh budaya luar dan beberapa lagi yang lainnya.

Sikap tentang budi bahasa yang kurang baik dikritik oleh pengarang bagi aspek budaya pertuturan dan bahasa dalam drama *Muzikal KL*. Hal ini kerana perubahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat dari pelbagai aspek iaitu dari segi pemikiran, gaya hidup, bahasa, kelakuan dan sebagainya. Malah, berbudi bahasa dengan santun pernah menjadi salah satu saranan kerajaan terhadap masyarakatnya. Namun, saranan tersebut kini semakin dipinggirkkan. Berikut merupakan petikan yang menunjukkan kritikan terhadap masyarakat yang tidak berbudi bahasa. Penggunaan bahasa yang kasar iaitu dengan menggunakan perkataan yang kesat seperti ‘sundal’, ‘jalang’ dan ‘berua’ semakin dijadikan suatu budaya dalam kalangan masyarakat hari ini. Sesungguhnya amalan budi bahasa amat mustahak dan berperanan penting kepada negara untuk mencapai taraf negara maju yang disegani oleh negara-negara gergasi yang lain di dunia. Oleh itu, sifat-sifat luhur dan amalan berbudi

bahasa yang dahulunya menjadi kebanggaan masyarakat timur tetapi kian terhakis ini wajarlah dipulihkan dan dihidupkan semula.

Pengaruh budaya Barat yang kian mencengkam jiwa masyarakat menjadi kritikan Hatta Azad Khan. Dewasa ini kebudayaan Barat banyak mendominasi segala aspek. Hal ini termasuklah aspek pemikiran, budaya, muzik, pakaian dan sebagainya. Peradaban Barat kini seolah-olah menguasai dunia. Budaya Barat dikembangkan serata tempat sehingga berhasil membuat masyarakat terpengaruh tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan budaya mereka. Kritikan tentang pengaruh budaya Barat jelas dilihat apabila penulis mempersoalkan tentang rambut lelaki yang panjang dan memakai subang. Isu sosial ini telah menular dan menjadi *trend* malah ikutan oleh golongan tertentu terutamanya remaja. Masyarakat Timur yang terkenal dengan peradaban mulia, sedikit demi sedikit mulai mengikuti kebudayaan Barat.

Hatta Azad Khan menterjemahkan rasa kebimbangan beliau terhadap masyarakat tentang isu generasi yang giat berdampingan dengan dunia siber melalui kritikan. Dunia siber kini menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia moden. Ia memainkan peranan penting untuk mempengaruhi dan mengubah pelbagai aspek dalam kehidupan manusia. Dunia siber bukan sahaja memberi kesan yang positif kepada penggunanya malah ia juga boleh membawa kesan yang negatif kepada masyarakat terutamanya golongan remaja yang mudah terdedah kepada pelakuan jenayah. Dalam proses pembangunan dan permodenan sesebuah negara, beberapa isu sosial perlu diberi perhatian. Seiring dengan modenisasi dan pembangunan ekonomi yang secara langsung meningkatkan taraf kehidupan setempat, timbul beberapa permasalahan baru seperti keruntuhan nilai kemanusiaan dan moral dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan remaja. Ledakan internet misalnya banyak menghasilkan siaran-siaran berunsur negatif. Perkara ini boleh membawa ke arah masyarakat yang tidak bermoral sekiranya tidak dikawal dengan berkesan. Sesungguhnya tiada jalan singkat bagi menangani masalah jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja. Penyelesaian bagi perkara ini memerlukan pembabitan semua pihak seperti keluarga, ahli masyarakat, pihak sekolah, pihak berkuasa, dan badan-badan kerajaan serta badan bukan kerajaan

### ***Isu Ekonomi***

Ekonomi memainkan peranan yang amat penting bagi sesebuah kerajaan atau pentadbiran. Ekonomi yang teguh dan stabil akan menjadikan negara yang kukuh dari segi kemampuan menampung rakyatnya. Selain itu, ekonomi merupakan aspek terpenting bagi setiap manusia. Kegiatan ekonomi sentiasa dilaksanakan demi kelangsungan hidup yang lebih baik. Walau bagaimanapun, sekiranya ekonomi sesebuah masyarakat terjejas maka ia akan memberikan kesan yang mendalam dalam sesebuah kolompok masyarakat yang berkaitan. Namun, sekiranya ekonomi meningkat pula, ia juga boleh memberikan kesan negatif kepada masyarakat sekiranya tidak diuruskan dengan cekap.

Aktiviti perniagaan secara haram telah dikritik oleh Hatta Azad Khan dalam drama *Muzikal KL*. Dalam arus kota metropolitan dengan bangunan pencakar langit yang megah berdiri di tengah bandar, kumpulan peniaga kaki lima masih menjalankan aktiviti mereka yang tersendiri. Melalui teks drama *Muzikal KL*, terdapat aktiviti untuk meningkatkan tahap ekonomi dalam kalangan masyarakat. Namun, dalam hal ini masyarakat tersebut menjalankan aktiviti ini secara haram kerana tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Watak Pegawai memaparkan bahawa peniaga jalanan melawan apabila pegawai membuat teguran tentang aktiviti berniaga yang dilakukan oleh mereka di kaki lima adalah haram. Walau bagaimanapun, peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan di kaki lima

sememangnya boleh diperkembangkan lagi melalui prosedur-prosedur yang telah ditetapkan malah mampu menjana pendapatan yang lebih tinggi kepada mereka yang terlibat.

Hatta Azad Khan turut mengkritik tentang isu kemiskinan yang berlaku dalam negara ini. Dalam karya Hatta Azad Khan iaitu *Muzikal KL*, beliau memperlihatkan bahawa kota metropolitan KL juga tidak terlepas daripada masyarakat yang menghadapi isu kemiskinan. Beliau telah mengangkat persoalan itu dan mengkritik secara tidak langsung apabila dalam karya *Muzikal KL* terdapatnya watak pengemis, tukang sapu, pekerja binaan dan sebagainya. Oleh itu, isu kemiskinan sememangnya tidak terlepas dalam sesebuah negara. Justeru, pihak yang bertanggungjawab harus memantau dan meneliti semula faktor atau sebab kemiskinan ini masih tidak dapat dibasmi.

Kritikan tentang negara membangaun dan tidak mementingkan keselamatan rakyat juga tidak ketinggalan dalam drama *Muzikal KL*. Masyarakat di bandar dan pinggir bandar sering diasak oleh rebakan pembandaran kota metropolitan yang mempengaruhi kualiti hidup penduduk setempat sebagai masyarakat. Sebagai negara yang membangun, bangunan pencakar langit sudah semestinya wujud. Hal ini kerana ciri-ciri sebuah bandar itu termasuklah mempunyai bangunan sedemikian selain mempunyai teknologi yang canggih. Namun begitu, dalam usaha ingin mencapai ke arah matlamat tersebut, pihak berwajib perlu mengambil berat tentang pelbagai aspek seperti keselamatan terhadap penduduk di sekitarnya.

### ***Nilai***

Seterusnya, bahagian dapatan perbincangan ditumpukan kepada aspek nilai yang terdapat dalam karya *Muzikal KL*. Aspek yang dibincangkan adalah berdasarkan teks yang dihasilkan oleh Hatta Azad Khan iaitu dinilai dalam konteks sosialnya. Aspek nilai yang dibincangkan termasuklah amalan bermusyawarah, nilai budaya makanan, nilai tradisi berbeca, amalan bersyukur dan sebagainya.

Berdasarkan drama *Muzikal KL*, amalan bermusyawarah diamalkan oleh watak Andy dan Man. Mereka menjalankan perbincangan bagi mencapai sebuah keputusan yang sepakat. Amalan ini merupakan cara yang terbaik dalam menyelesaikan suatu masalah. Perbincangan atau musyawarah yang dilaksanakan pula tidak bergantung kepada jenis permasalahan sama ada berkaitan dengan rumah tangga, kemasyarakatan, negara dan sebagainya. Terdapat beberapa manfaat yang boleh diperolehi berdasarkan amalan musyawarah. Antara lainnya ialah dapat melatih diri untuk bersikap lebih adil dalam pemerintahan, mengasah kecerdasan akal dan memperkaya pengalaman seseorang, dapat melapangkan dada untuk menerima kesalahan dan memberi kemaafan seterusnya dapat mengawal emosi supaya lebih stabil dan sebagainya. Dalam Islam, musyawarah adalah satu amalan yang mulia dan penting kerana mewujudkan suasana yang harmoni dalam kalangan individu yang terlibat dalam musaywarah tersebut. Amalan ini juga dapat menjadikan seseorang itu lebih beretika dan bertawakal kepada Allah.

Nilai budaya juga diangkat dalam teks *Muzikal KL*. Penulis telah menggunakan elemen budaya dari segi makanan iaitu nasi lemak yang dijual oleh peniaga mamak. Hal ini membuktikan bahawa nilai budaya terutama dari segi makanan perlu dikekalkan. Walaupun berada di tengah-tengah bandar, tetapi budaya makanan iaitu nasi lemak dan roti canai masih tetap dipelihara. Hal ini sekaligus membuktikan bahawa nilai yang berkaitan budaya masih teguh dalam diri watak Mamak Peniaga. Makanan pula memainkan peranan sebagai penyata identiti sesuatu masyarakat. Warisan budaya yang dikekalkan mampu menjadi aset penting dalam memajukan industri pelancongan negara. Hal ini kerana apabila banyak daya tarikan yang terdapat dalam sesebuah negara maka pelancong akan sering berkunjung ke tempat tersebut.

Melalui teks drama *Muzikal KL*, Hatta Azad Khan turut mengungkap tentang tradisi berbeca. Budaya berbeca masih wujud di kota KL walaupun jumlahnya tidak ramai. Namun, ia tetap menunjukkan bahawa masih terdapat individu yang ingin mengekalkan budaya berbeca yang telah diamalkan oleh masyarakat tempatan pada suatu ketika dahulu. budaya berbeca sememangnya semakin dilupakan oleh masyarakat kerana terlalu menagungkan arus kemodenan yang kian menyerap dalam kehidupan manusia. Walau bagaimanapun, masih terdapat individu yang prihatin terhadap budaya ini. Oleh itu, budaya bebeca perlu dikekalkan menjadi khazanah Melayu. Keunikan Melayu ini akan menunjukkan identiti masyarakat yang sebenar.

Pengarang teks drama *Muzikal KL* menerapkan nilai amalan bersyukur. Ini dapat diteliti berdasarkan watak Mama dalam drama ini yang merupakan seorang wanita berusia empat puluh tahun. Watak ini merupakan seorang penjaga anak-anak yatim di sebuah pusat kebajikan dan mempunyai sikap yang tegas tetapi penyayang. Watak Mama telah menasihati anak-anak jagaannya di rumah kebajikan iaitu Man, Maya, Andy dan Tun agar bersyukur dengan apa yang diterima. Amalan sikap bersyukur adalah tuntutan agama. Bersyukur dengan segala pemberian tuhan itu dapat meneguhkan keimanan kita sebagai seorang hamba. Oleh itu, berdasarkan kepada teks drama yang dikaji, penulis dengan berhemah menyampaikan pesanan kepada khalayak agar mengamalkan sikap bersyukur melalui watak Mama dalam *Muzikal KL*.

Hatta Azad Khan telah memaparkan nilai moral yang sangat berharga apabila beliau mengingatkan kepada khalayak untuk mengingati Tuhan. Hal ini kerana, ianya menjadi satu kewajiban bagi semua manusia yang mempercayai Tuhan sebagai dzat yang Maha Berkua. Watak Man mengingatkan diri dan sahabatnya yang lain agar tidak melupakan Tuhan semata-mata kerana kawan. Hal ini kerana pada zaman ini ramai diantara hanba-Nya yang lalai kerana pengaruh kawan. Manusia perlu meletakkan cintanya yang tertinggi kepada Tuhan yakni Maha Pencipta. Melalui cinta tersebut, maka manusia akan sentiasa mengingatinya serta melakukan segala perintah-Nya. Oleh itu, manusia perlulah mengutamakan tanggungjawabnya sebagai seorang hamba terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara.

Nilai tentang kasih sayang seorang insan yang bergelar mama turut dipaparkan dalam drama *Muzikal KL*. Namun, dalam drama ini, mama yang dimaksudkan ialah penjaga rumah anak-anak yatim. Hal ini kerana Man, Maya, Tun dan Andy merupakan anak yatim yang tinggal di rumah kebajikan yang dijaga oleh insan yang digelar mama. Meskipun watak mama bukan ibu kandung atau ibu yang melahirkan Man, Maya, Tun dan Andy, namun kasih sayang yang dicurahkan oleh watak mama terhadap mereka adalah tidak berbelah bagi. Sikap seorang ibu yang digambarkan dalam teks drama yang dikaji antaranya ialah tidak membeza-bezakan anak-anaknya dengan melihat rupa paras selain tidak mengira asal usul seseorang itu sebagai alasannya untuk tidak mencurahkan kasih sayang. Baginya, anak-anak itu anugerah dan harus dibelai dengan kasih sayang yang sama rata.

Penulis mengakhiri kisah drama *Muzikal KL* dengan mengetengahkan nilai perpaduan dan kesedaran masyarakatnya tentang perkara tersebut. Warga kota dalam drama *Muzikal KL* sedar bahawa walaupun mereka banyak perbezaan tetapi mereka tetap satu warga dalam satu negara. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penulis juga prihatin terhadap nilai perpaduan yang perlu dipupuk dan disemai dalam jiwa masyarakat. Perpaduan membawa penggabungan menjadi satu, wujud kesefahaman, sebatik, bersama, bekerjasama, kesepakatan atau bersepakat bagi kepentingan semua masyarakat. Tanpa kesefahaman antara rakyat, maka tidak mungkin terciptanya perpaduan. Oleh itu, untuk menjadi sebuah negara majmuk yang aman dan harmoni, masyarakat perlu berusaha untuk tidak mencetuskan provokasi antara kaum. Setelah berpuluh tahun negara mengecapi kemerdekaan, masyarakat harus sedar bahawa

tanggungjawab seterusnya untuk menjaga keamanan dan kemerdekaan negara adalah rakyat dalam negara itu sendiri.

Oleh itu, dalam bahagian perbincangan dan dapatan, aspek utama yang telah ditumpukan adalah berdasarkan garis disiplin daripada pendekatan Sosiologi. Hal tersebut termasuklah latar belakang pengarang, isu sosial, ekonomi, budaya dan politik dan yang terakhir adalah berkenaan dengan aspek nilai yang terdapat dalam teks *Muzikal KL*.

## 5. Kesimpulan

Tuntasnya, kertas kerja ini menekankan dan membuktikan tentang kemasyarakatan yang bercorak kontekstual dan ekstrinsik. Penelitian terhadap aspek sosial atau kemasyarakatan dan menganalisis hubungan teks dengan isu politik, ekonomi, budaya dan aspek-aspek lain. Di samping itu, kajian ini juga memperlihatkan bahawa wujudnya hubungan antara masyarakat dan karya sastera. Pengarang pula dilihat sebagai individu yang mewakili masyarakatnya yang mencatat, menulis dan menginterpretasikan. Segala perakaman dan peristiwa yang digambarkan dalam sesebuah karya sastera dapat dijadikan asas untuk memahami situasi masyarakat pada suatu zaman. Selain itu, turut diambil kira adalah tentang latar belakang pengarangnya. Seterusnya, dalam kertas kerja ini telah menganalisis tentang isu sosial iaitu isu situasi masyarakat yang moden, maju dan mundur yang terakam dalam teks drama *Muzikal KL*. Isu-isu tersebut diharap dapat menggerakkan masyarakat untuk lebih sensitif terhadap hidup bermasyarakat. Lain daripada itu, aspek nilai berdasarkan teks juga telah dibincangkan. Perbincangan tersebut diharap dapat memberi impak yan positif terhadap khalayak pembaca.

## Rujukan

- Alex, I., & Cheu, H. T. (1985). *Apa itu Sosiologi?* Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ayob, Y., & Hamzah H. (1980). *Penulisan Kreatif (Kumpulan Esei Ceramah)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Diana, L., & Alan, S. (1972). *The Sociology of Literature*. Paladin Books, London.
- Duncan, M. (1982) . *Sosiologi Pengkajian Sistem Sosial*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ekhsan, E. (2013). Kuntum Harapan: Satu Analisis Nilai Kemanusiaan Berdasarkan Teori Sosiologi. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Elizabeth & Jom, B.(1973). *Sociology of Literature and Drama*. England: Penguins Books
- Hatta, A., K. (2008). *Tiga Teater Muzikal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hatta, A., K. (1987). *Nasib: Drama Pemenang Esso-GAPENA I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hatta, A., K. (2007). *Muzikal Kampung Baru: Drama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hatta, A., K. (2013). *Dunia Belum Kiamat: Kumpulan Drama*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hatta, A., K. (1981). *Patung-Patung Sebuah Kumpulan Drama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Jamaliah, I. (1980). Drama-Drama Komedi Melayu Satu Analisa gambaran masyarakat masa kini. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mana, S. (1998). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd
- Mana, S. (2006). *Kritikan Sastera Moden*. Singapore: Pustaka Karya
- Mana, S. (1985). Kaedah Kajian Drama. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd
- Normah, A., R. (1991). Sosioekonomi dalam Drama Moden Malaysia. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Marsita, S. (1990). Drama 1980-an: Satu Kajian Sosiologi. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Roselina, J., M., K. (2009). *Teater Moden Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Saparman, B. (1982). *Alam Teater*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sahlan, M., S. (1999). *Tokoh Kecenderungan Kritikan Sastera Mitakhir*. Bangi: Persatuan Penulis Selangor
- Siddiq, & Fadzil. (1992). *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. 2006."Permasalahan Sekitar Qada' dan Qadar". *Jurnal AFKAR*. bil 7: 63-92.
- Wan, R., W., O. (1989). *Protes Sosial dalam Drama-Drama Melayu*. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Welsh, W.A. 1973. *Studying Politics*. London: Nelson
- Azman, I. (2008). Hatta Raih Anugerah Penulisan Asia Tenggara 2008.  
<http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?v=2008&dt=0818&pub=Utusan>  
(6 November 2016)